

**CNY 2025: BONUS SELAMAT DATANG UNTUK PENABUNG JUNIOR BAHARU**

Kemas kini terakhir pada 15 Januari 2025

**TEMPOH PROMOSI**

"CNY 2025: BONUS SELAMAT DATANG UNTUK PENABUNG JUNIOR BAHARU" ("Promosi") Hong Leong Bank Berhad [193401000023 (97141-X)] ("HLB") dan Hong Leong Islamic Bank Berhad [200501009144 (686191-W)] ("HLISB") (secara kolektif dirujuk sebagai "Bank") bermula pada 06 Januari 2025 dan berakhir pada 30 April 2025 ("Tempoh Promosi"), termasuk kedua-dua tarikh, melainkan dimaklumkan sebaliknya.

**TERMA & SYARAT**

Berikut adalah terma dan syarat yang terpakai untuk Promosi ("T&S"):

**KELAYAKAN**

- Promosi ini terbuka kepada semua pemegang akaun baharu bagi Akaun Penyertaan seperti yang ditakrifkan di dalam Klausa 2 di bawah semasa Tempoh Promosi ("Pelanggan Layak").

Untuk mengelakkan keraguan, "Pemegang Akaun Baharu" merujuk kepada pelanggan individu yang tidak mempunyai mana-mana Akaun Penyertaan dengan Bank sebelum Tempoh Promosi dan membuka mana-mana Akaun Penyertaan semasa Tempoh Promosi.

- "Akaun Penyertaan" untuk Promosi ini adalah seperti berikut:

- Akaun Junior 3-dalam-1 Hong Leong; dan
- Akaun Junior-i 3-dalam-1 Hong Leong.

Oleh kerana Akaun Penyertaan adalah akaun amanah, Pemegang Akaun Utama adalah ibu bapa atau penjaga yang dilantik secara sah bagi pihak benefisiari (iaitu Pelanggan).

- Pelanggan yang pada masa lalu telah melakukan atau disyaki sedang melakukan sebarang tindakan penipuan, tidak sah atau kesalahan berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank atau telah diisyiharkan muflis (berdasarkan petisyen oleh Bank atau institusi kewangan lain atau oleh mana-mana pihak ketiga) atau tertakluk pada sebarang prosiding kemuflisan pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Promosi atau telah melanggar mana-mana T&S di sini, Terma dan Syarat Am Akaun, dan terma dan syarat yang berkenaan dengan Akaun Penyertaan (secara kolektif dirujuk sebagai "Terma dan Syarat yang Berkenaan") atau Undang-Undang yang Berkenaan (seperti yang ditakrifkan di sini) **TIDAK** layak untuk menyertai dan/atau akan serta-merta dibatalkan kelayakannya untuk menyertai Promosi ini.

**MEKANIK PROMOSI****BONUS SELAMAT DATANG UNTUK PEMEGANG AKAUN BAHARU:**

- Untuk layak menerima Bonus Selamat Datang ("Ganjaran") seperti yang dinyatakan dalam **Jadual 1** di bawah, Pelanggan mesti memenuhi kriteria berikut:
  - Membuka Akaun Penyertaan semasa Tempoh Promosi;
  - Mendepositkan amaun minimum yang diperlukan ("Simpanan Layak") ke dalam Akaun Penyertaan dalam bulan yang sama Akaun Penyertaan dibuka; dan
  - Mengekalkan Simpanan Layak minimum (seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah) yang diperlukan pada Akhir Tempoh ("EOP") selama tiga (3) bulan berturut-turut ("Tempoh Kelayakan") dari Tarikh Pembukaan Akaun Penyertaan (seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2 di bawah).

Untuk mengelakkan keraguan, EOP merujuk kepada jumlah baki dalam Akaun Penyertaan pada hari terakhir bulan tersebut.

Jadual 1

Simpanan Layak	Ganjaran (setahun)
RM5,000	0.5%
RM25,000	1.0%
RM50,000	1.5%

Jadual 2

Bulan Pembukaan Akaun	Tempoh Kelayakan
Januari 2025	31 Januari 2025 sehingga 31 Mac 2025
Februari 2025	28 Februari 2025 sehingga 30 April 2025
Mac 2025	31 Mac 2025 sehingga 31 Mei 2025
April 2025	30 April 2025 sehingga 30 Jun 2025

5. Senario dalam **Jadual 3, 4 dan 5** di bawah ini menunjukkan ilustrasi tentang cara untuk memperoleh Ganjaran.

Pelanggan X dalam Senario A layak mendapat Ganjaran seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3 di bawah:

Senario A:

*Pelanggan X telah membuka Akaun Junior 3-dalam-1 Hong Leong pada 01 Februari 2025 dan telah mendepositkan RM5,000 ke dalam Akaunnya dan meng ekalkan amaun tersebut selama tiga (3) bulan berturut-turut.*

Jadual 3

Bulan	Bilangan Hari	Baki EOP	Bonus Selamat Datang (setahun)
Februari 2025	28	RM5,000	0.5%
Mac 2025	31	RM5,000	0.5%
April 2025	30	RM5,000	0.5%

Pelanggan Y dalam Senario B tidak layak untuk menerima Ganjaran seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 4** di bawah.

Senario B:

*Pelanggan Y telah membuka Akaun Junior 3-dalam-1 Hong Leong pada 01 Februari 2025 dan telah mendepositkan RM5,000 ke dalam Akaunnya tetapi baki EOP telah turun kepada RM2,000 pada bulan Mac 2025.*

Jadual 4

Bulan	Bilangan Hari	Baki EOP	Bonus Selamat Datang (setahun)
Februari 2025	28	RM5,000	Tiada Ganjaran kerana Pelanggan Y tidak memenuhi EOP pada bulan Mac 2025, tiada pembayaran akan dibuat kepada Pelanggan Y.
Mac 2025	31	RM2,000	
April 2025	30	RM5,000	

Pelanggan Z dalam Senario C berhak menerima Ganjaran seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5 di bawah.

Senario C:

*Pelanggan Z telah membuka Akaun Junior 3-dalam-1 Hong Leong pada 15 Februari 2025 dan telah mendepositkan RM5,000 ke dalam Akaunnya dan mengekalkan amaun tersebut sepanjang Februari 2025 dan Mac 2025. Pelanggan Z kemudian meningkatkan bakinya pada April 2025 kepada RM27,000.*

**Jadual 5**

Bulan	Bilangan hari	Baki EOP	Bonus Selamat Datang (setahun)
Februari 2025	14	RM5,000	0.5%
Mac 2025	31	RM5,000	0.5%
April 2025	30	RM27,000	1.0%

6. Ganjaran dikira setiap hari dan terakru untuk tiga (3) bulan berturut-turut dan terhad kepada **Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM50,000)** pertama sahaja.
7. Berikut adalah formula untuk pengiraan Ganjaran bagi setiap bulan setelah mencapai EOP yang berkenaan selama tiga (3) bulan berturut-turut:

**Pengiraan Ganjaran = DAB x Masa (T) x Kadar (R)**

**Nota:**

DAB = Jumlah baki akhir harian dalam bulan tersebut / Jumlah hari dalam bulan tersebut

Masa (T) = Jumlah hari dalam bulan tersebut / Jumlah hari dalam setahun berdasarkan 365 hari

Kadar (R) = Kadar Welcome Bonus untuk bulan tersebut

**PEMENUHAN HADIAH UNTUK GANJARAN**

8. Ganjaran akan dikreditkan ke dalam Akaun Penyertaan Pelanggan Layak berdasarkan Bulan Pemenuhan seperti ditunjukkan di dalam Jadual 6 di bawah. Untuk tujuan ini, Pelanggan Layak hendaklah memastikan Akaun Penyertaan mereka kekal sah/aktif dan Pelanggan Layak tidak boleh melanggar Terma dan Syarat yang Berkenaan dan semua undang-undang yang terpakai termasuk Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 ("**Undang-undang yang Berkenaan**"). Jika gagal, kelayakan Pelanggan Layak untuk menyertai Promosi ini akan dibatalkan secara automatik .

**Jadual 6**

Bulan Pembukaan Akaun	Bulan Pemenuhan
Januari 2025	Sebelum/pada 30 <sup>hb</sup> April 2025
Februari 2025	Sebelum/pada 31 <sup>hb</sup> Mei 2025
Mac 2025	Sebelum/pada 30 <sup>hb</sup> Jun 2025
April 2025	Sebelum/pada 31 <sup>hb</sup> Julai 2025

9. Rekod pengkreditan Ganjaran akan ditunjukkan dalam e-penyeata Akaun Penyertaan Pelanggan Layak.
10. Pelanggan Layak bertanggungjawab untuk menghubungi pihak Bank sekiranya tidak menerima Ganjaran dalam tempoh sembilan puluh (90) hari bekerja dari tarikh akhir Tempoh Promosi. Jika tidak, Pelanggan Layak dianggap telah menerima Ganjaran dan sebarang tuntutan untuk Ganjaran selepas itu tidak akan dilayan.

11. Pihak Bank berhak untuk mengubah Tempoh Promosi, Mekanik Promosi dan/atau kriteria/keperluan lain untuk Promosi dengan memberi notis awal dengan memaparkan T&S yang diubah di laman sesawang Bank atau cara lain yang dianggap praktikal oleh Bank dan perubahan tersebut akan berkuat kuasa dari tarikh penguatkuasaan yang dinyatakan dalam notifikasi tersebut.

### **UMUM**

12. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan Layak:
  - (a) mengesahkan bahawa telah membaca, memahami, menerima dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang Berkennaan dan Undang-undang yang Berkennaan;
  - (b) bersetuju bahawa keputusan Bank mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Promosi adalah tepat, muktamad, konklusif dan mengikat semua Pelanggan Layak;
  - (c) bersetuju untuk mengakses laman sesawang Bank di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) or [www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my) ("Laman Sesawang Bank") secara berkala untuk melihat T&S dan memastikan untuk sentiasa mengikuti sebarang perubahan atau variasi kepada T&S; dan
  - (d) bersetuju untuk bertanggungjawab dan akan menanggung sendiri semua cukai, fi kerajaan atau sebarang caj lain yang mungkin dikenakan ke atas mereka di bawah undang-undang yang berkennaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Promosi.
13. Pihak Bank berhak untuk:
  - (a) untuk menambah, memadam, menggantung atau meminda T&S yang disenaraikan di sini, sama ada sepenuhnya atau sebahagian, atau untuk menamatkan Promosi dengan cara menyiarangkan penambahan, pemadaman, penggantungan atau pindaan T&S atau penamatan Promosi ini di Laman Sesawang Bank dengan memberi notis terlebih dahulu kepada Pelanggan Layak; dan
  - (b) untuk melucutkan dan menarik balik mana-mana Ganjaran yang dibayar/dikreditkan/ditebus sekiranya terdapat sebarang penipuan yang dikesan, atau ketidakpatuhan mana-mana T&S Promosi ini.
14. Sebagai tambahan kepada T&S yang ditetapkan di sini, Pelanggan Layak bersetuju bahawa Terma dan Syarat yang Berkennaan hendaklah dibaca bersama dengan T&S ini sebagai keseluruhan perjanjian. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, T&S ini akan diguna pakai setakat percanggahan tersebut.
15. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara T&S yang dinyatakan di sini dan sebarang pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain mengenai atau yang berkaitan dengan Promosi ini, T&S yang terdapat di Laman Sesawang Bank akan diguna pakai.
16. T&S Promosi ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Pelanggan Layak bersetuju untuk tunduk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
17. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan sebaliknya.

**Akaun Junior-i 3-dalam-1 Hong Leong adalah akaun deposit berdasarkan kontrak Syariah Tawarruq.**

**Ahli PIDM. Akaun Penyertaan dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit (rujuk kepada Produk yang Layak untuk Perlindungan PIDM).**

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai terma dan syarat ini, sila e-mel kami di [hlonline@hlbb.hongleong.com.my](mailto:hlonline@hlbb.hongleong.com.my) atau hubungi 03-7626 8899